

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN TEO KOK SEONG  
(RASAH)**  
**PERTANYAAN : LISAN**  
**TARIKH : 17.06.2014**

**Y.B. TUAN TEO KOK SEONG [ RASAH ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci jumlah pelaburan Kerajaan di dalam Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) sejak syarikat tersebut ditubuhkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) telah mengambil alih 29% saham Malaysia Airline System Bhd

(MAS) daripada Naluri Berhad pada tahun 2001 dan saham tersebut kemudiannya diambil alih oleh Penerbangan Malaysia Bhd (PMB) pada tahun 2002. Pada 3 Disember 2004, Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) telah memegang 69.34% kepentingan dalam MAS melalui PMB apabila mengambil alih PMB serta pegangan 868,957,232 saham MAS. Sehingga kini, Khazanah telah melabur kira-kira RM5.1 bilion ke dalam MAS menerusi langganan tiga (3) terbitan hak dan saham keutamaan boleh ubah boleh tebus (*redeemable preference shares* atau RCPS) secara berperingkat pada tahun 2003, 2007, 2010 dan 2013.

Sehingga 31 Mei 2014, Khazanah memegang sejumlah 11,592,389,200 saham MAS atau 69.37% pegangan dalam syarikat penerbangan tersebut.